

MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA

MINIT PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-27 MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA PADA 28HB JUN 2008 JAM 2.00 PETANG DI ARENA SUKAN TERTUTUP MOM WISMA OCM, JALAN HANG JEBAT, KUALA LUMPUR

HADIR

- | | | |
|-----|---|----------------------------|
| 1. | Y.Bhg. Datuk Dr. M. Jegathesan | - Timbalan Presiden |
| 2. | Y.Bhg. Prof. Dato' Ar. W.Y. Chin | - Naib Presiden |
| 3. | Cik Low Beng Choo | - Naib Presiden |
| 4. | Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Zakaria Haji Ahmad | - Naib Presiden |
| 5. | Y.Bhg. Dato' Roy Rajasingham | - Naib Presiden |
| 6. | Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Ibrahim Saad | - Naib Presiden |
| 7. | Y.Bhg. Dato' Siah Kok Chi | - Setiausaha Kehormat |
| 8. | Y.Bhg. Dato' Seri Kee Yong Wee | - Bendahari Kehormat |
| 9. | Cik Moira Tan Siew See | - Pen. Setiausaha Kehormat |
| 10. | Encik Ramlay Ibrahim | - Pen. Setiausaha Kehormat |
| 11. | Encik Rosmanizam Abdullah | - Pen. Bendahari Kehormat |

AHLI BIASA

PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN

PERWAKILAN

- | | | | |
|----|----------------|---|--|
| 1. | MEMANAH | - | Tuan Haji Abd. Hamid Haji Hasan Encik Muhammad Zul Izzi Ab. Manaff |
| 2. | OLAHRAGA | - | Encik R. Anamalai Encik S. Vegiyathuman Encik Jamaludin Abdul Aziz |
| 3. | BADMINTON | - | Encik Kenny Goh Chee Keong Encik Chooi Weng Sheng |
| 4. | BOLA KERANJANG | - | Encik Ong Leng Kok Puan Wong Kwan Siew |
| 5. | BINA BADAN | - | Encik Francis Yong Chin Kiong Encik Vincent Ho |
| 6. | BOLING | - | Encik Sidney Tung |
| 7. | TINJU | - | Maj. (B) Wan Abdul Hamid Wan Mahmood Tuan Haji Mohd Harun Haji Ismail Maj. (B) Maulud bin Othman |
| 8. | KRIKET | - | Encik Sivanandan Chinnadurai Encik N. Rasanayagam |
| 9. | BERBASIKAL | - | Y.Bhg. Datuk Haji Naim Datuk Haji Mohamad Tuan Haji Ibrahim Mustapa Encik Maniam Manikkam |

| | | | |
|-----|------------------|---|---|
| 10. | EKUESTRIAN | - | Tiada |
| 11. | LAWAN PEDANG | - | Encik Ahmad Farik Haji Abdul Hamid |
| 12. | BOLASEPAK | - | Encik Mohd Saifuddin bin Abu Bakar Encik E. R. Subramaniam Encik Mohd Rodzali bin Yacob |
| 13. | GOLF | - | Encik Zulkifli Dato' Ismail |
| 14. | GIMNASTIK | - | Encik N. Shanmugarajah Encik Zaini bin Haji Dawi Encik Paramaspathy Iyyakanoo |
| 15. | HOKI | - | Encik Hashim Mohamed Yusoff |
| 16. | JUDO | - | Encik I. Mariappan |
| 17. | KARATE | - | Encik Clement Soo Encik Shamsudin Shaik Ali |
| 18. | LAWN BOWLS | - | Encik Ramble Dallan Rice-Oxley Cik Norcigi Ismail |
| 19. | LAWN TENNIS | - | Tiada |
| 20. | BOLA JARING | - | Cik Hajah Mazidah Haji Musa Cik Hajah Isnariah Haji Idris |
| 21. | RAGBI | - | Encik Ramesh Lachmanan |
| 22. | SEPAKTAKRAW | - | Y.Bhg. Datuk Haji Arshad bin Haji Yahaya Encik Idris Abd Karim Encik Ab. Razak Rahman |
| 23. | MENEMBAK | - | Maj. Jasni Shaari Encik Mark Ong Eng Khong |
| 24. | SILAT | - | Tiada |
| 25. | SNUKER & BILIARD | - | Encik Chua Soon Seng Puan Patricia Kang Phaik Suan |
| 26. | SOFBOL | - | Puan Sally Lim Swee Gaik |
| 27. | SQUASH | - | Encik K. Sivanesan |
| 28. | RENANG | - | Encik Edwin Chong Encik Abdul Rahim Aziz |
| 29. | PING PONG | - | Encik Soong Poh Wah Encik Chen Fook Yen Encik Ho Kwong Kee |

| | | | |
|-----|--------------|---|---|
| 30. | TAEKWONDO | - | Encik Kumar Thangaraju Encik S. Guana Seagarn Sammuel |
| 31. | BOLA TAMPAR | - | Encik Zailan Kamaruddin Mohd Salleh |
| 32. | ANGKAT BERAT | - | Y.Bhg. Dato' Wira Gan Boon Leong Encik Roslan bin Othman Encik Abu Hanapah bin Ismail |
| 33. | WUSHU | - | Encik Loong Chek Hock Encik Chin Hoong Iap |
| 34. | PELAYARAN | - | Tiada |

AHLI BERSEKUTU

| | | | |
|-----|---------------|---|--|
| 1. | AIKIDO | - | Encik Wong Teck Wah |
| 2. | BESBOL | - | Tiada |
| 3. | KANU | - | Tiada |
| 4. | CATUR | - | Cik Haslinda Ruslan |
| 5. | DANCE SPORT | - | Tiada |
| 6. | SUKAN EKSTREM | - | Encik Nik Ahmad Farez Nik Ghazali |
| 7. | GOLF (WANITA) | - | Puan Wan Rokiah Ismail |
| 8. | BOLA BALING | - | Encik Ng Num Thiam |
| 9. | HOKI AIS | - | Tiada |
| 10. | KABADDI | - | Encik Mohd Affandi Abdullah Encik G. Guna |
| 11. | MENDAKI | - | Tiada |
| 12. | PETANQUE | - | Tiada |
| 13. | POLO | - | Tiada |
| 14. | MENDAYUNG | - | Tiada |
| 15. | SILAMBAM | - | Tiada |
| 16. | SKI AIR | - | Tiada |
| 17. | WOODBALL | - | Tiada |

TURUT HADIR

| | | | |
|-----|----------------------------------|---|--|
| 1. | Encik Fong Wan Hor | - | Eksekutif Kanan, Majlis Olimpik Malaysia |
| 2. | Puan Normala Taslim | - | Eksekutif, Majlis Olimpik Malaysia |
| 3. | Puan Norliza Abd. Aziz | - | Eksekutif, Majlis Olimpik Malaysia |
| 4. | Puan Ng Swee Fong | - | Eksekutif, Majlis Olimpik Malaysia |
| 5. | Encik Norhashimi Hussain | - | Eksekutif, Majlis Olimpik Malaysia |
| 6. | Puan Stephanie Rajagopal | - | Eksekutif, Majlis Olimpik Malaysia |
| 7. | Encik Joe Marcose | - | Pegawai Media, Majlis Olimpik Malaysia |
| 8. | Encik Chua Hong Tam | - | Pegawai Separuh Masa, MOM |
| 9. | Encik Zahiruddin Md Zain | - | Eksekutif, Majlis Olimpik Malaysia |
| 10. | Encik Afnan Fariduddin Abdullah- | - | Eksekutif, Majlis Olimpik Malaysia |

PEMERHATI

| | | | |
|----|----------------------------|---|--------------------------------------|
| 1. | Encik Suhardi Alias | - | Majlis Sukan Negara |
| 2. | Encik Chong Choong Seong | - | Jabatan Pendidikan Jasmani Sukan |
| 3. | Encik Aminuddin Mohd Nasir | - | Olahraga |
| 4. | Encik M.P. Haridas | - | Gimnastik |
| 5. | Cik Meggie Cheong | - | Sukarelawan, Majlis Olimpik Malaysia |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Y.Bhg. Datuk Setia Raja, Tan Sri
Datuk Seri Hamzah bin Haji Abu Samah - Presiden Seumur Hidup/Ahli IOC
2. YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Tuanku Ja'afar - Presiden/Ahli IOC

1. **KEHADIRAN**

- 1.1. Delegasi daripada 30 Ahli Biasa dan 6 Ahli Bersekutu telah hadir, menjadikan jumlah delegasi yang berhak mengundi seramai 59 dan 6 orang delegasi tanpa hak mengundi. Nama-nama delegasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam senarai kedatangan di atas.

2. **UCAPAN PRESIDEN**

- 2.1. Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Y.Bhg. Datuk Dr. M. Jegathesan mengalu-alukan kedatangan delegasi ke Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) Ke-27 dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran mereka. Beliau memaklumkan kepada delegasi bahawa Presiden MOM, YAM Tunku Tan Sri Imran Ibni Tuanku Ja'afar tidak dapat mempengerusikan Perhimpunan Agung Tahunan Ke-27 ini kerana beliau baru sahaja menjalani pembedahan lutut dan dinasihatkan berehat dan YAM Tunku melantik beliau bagi mempengerusikan Perhimpunan Agung Tahunan Ke-27 pada kali ini.

3. **MENGESAHKAN MINIT PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-26 PADA 26HB MEI 2007**

- 3.1. Minit Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan Ke-26 telah diluluskan tanpa apa-apa pindaan. Dicadang oleh delegasi dari Persatuan Renang Amatir Malaysia, Encik Edwin Chong dan disokong oleh delegasi dari Persekutuan Gimnastik Malaysia, Encik N. Shanmugarajah.

4. **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

- 4.1. Tiada apa-apa perkara yang berbangkit untuk dibincangkan.

5. **PEMBENTANGAN DAN PENERIMAAN LAPORAN TAHUNAN KE-26 BAGI TEMPOH 1HB JUN 2007 HINGGA 10HB JUN 2008**

- 5.1. Pengerusi membentangkan Laporan Tahunan Ke-26 bagi kelulusan Perhimpunan Agung. Oleh kerana tiada perkara yang dibangkitkan, Laporan Tahunan Ke-26 telah diluluskan dengan sebulat suara. Dicadang oleh delegasi dari Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia, Encik R. Anamalai dan disokong oleh delegasi dari Persekutuan Tinju Amatir Malaysia, Maj. (B) Maulud bin Othman.

6. **PEMBENTANGAN DAN PENERIMAAN PENYATA AKAUN YANG TELAH DIAUDIT BAGI TEMPOH 1HB JANUARI HINGGA 31HB DISEMBER 2007**

- 6.1. Bendahari Kehormat telah membentangkan Penyata Akaun yang telah diaudit untuk Tahun Kewangan bagi tempoh 1hb Januari hingga 31hb Disember 2007, untuk kelulusan Perhimpunan Agung.
- 6.2. Oleh kerana tiada apa-apa perkara yang dibangkitkan, Penyata Akaun yang telah diaudit untuk Tahun Kewangan bagi tempoh 1hb Januari hingga 31hb Disember 2007 telah diluluskan dengan sebulat suara. Dicadang oleh delegasi dari Kesatuan Olahraga Amatir

Malaysia, Encik R. Anamalai dan disokong oleh Encik Ahmad Farik Haji Abdul Hamid dari Persekutuan Lawan Pedang Malaysia.

7. **PEMBENTANGAN DAN KELULUSAN CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN MOM**

7.1. Pengerusi membentangkan cadangan pindaan Perlembagaan MOM dan memaklumkan Perhimpunan Agung bahawa cadangan pindaan telahpun dibincangkan dan diluluskan oleh Lembaga Eksekutif MOM. Beliau menambah bahawa cadangan pindaan ini juga telah dipanjangkan kepada semua ahli gabungan MOM melalui e.mail pada 23hb Mei 2008 untuk kajian ahli. Beliau menjelaskan bahawa mengikut keperluan IOC, Perlembagaan semua NOC hendaklah diluluskan oleh IOC, ini bagi memastikan tiada sebarang percanggahan antara Piagam Olimpik dan Perlembagaan NOC, dan bagi memasukkan syarat-syarat bahawa undi majoriti bagi MOM hendaklah selari dengan persatuan sukan kebangsaan yang bergabung dengan Persekutuan Antarabangsa (IFs) yang mana pertubuhan sukan mereka dimasukkan dalam program Sukan Olimpik.

7.2. Pengerusi memaklumkan Perhimpunan Agung bahawa beliau akan mengkaji cadangan pindaan satu persatu dan dari satu mukasurat ke satu mukasurat, bermula dari mukasurat 75 hingga 90 serta mukasurat bertajuk “Cadangan Tambahan Pindaan Perlembagaan MOM” di mana ianya terdapat di dalam dokumen bercetak Perhimpunan Agung Tahunan Ke-27, 2008. Ini adalah untuk memberi peluang kepada delegasi memberi komen, menyelesaikan masalah dan meluluskan pindaan dengan cara mudah.

7.3. ***PENDAHULUAN***

Kami, Majlis Olimpik Malaysia, sebuah pertubuhan kepunyaan Pergerakan Olimpik, yang diwakili oleh yang bertandatangan dibawah, dengan ini mengaku patuh pada syarat-syarat Piagam Olimpik dan Kod Anti-Doping Sedunia dan berpegang teguh kepada keputusan yang dibuat oleh IOC. Kami mengaku, bertepatan dengan misi kami dan peranan kami di peringkat kebangsaan, untuk mengambil tindakan bagi mempromosi keamanan serta mempromosi wanita dalam sukan. Kami juga mengaku menyokong dan menggalakkan dalam promosi etika sukan, bagi membanteras dadah dan bertanggungjawab berkenaan isu alam sekitar.

7.3.1. Pendahuluan yang sediaada telah dipinda dengan menggantikan noktah selepas perkataan bertandatangan dengan koma. Pindaan telah diluluskan dengan sebulat suara.

7.4. **Misi (Baru)**

Misi Majlis Olimpik Malaysia adalah untuk membangun, mempromosi dan melindungi Pergerakan Olimpik di Malaysia, selaras dengan Piagam Olimpik.

7.4.1. Kenyataan terbaru di atas adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.

7.5. **Sub-Artikel 4.2 (Baru)**

MOM diwajibkan mengambil bahagian di dalam Sukan di Olympiad dengan menghantar atlet-atlet.

7.5.1. Sub-Artikel 4.2. yang baru adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.

- 7.6. **Sub-Artikel 4.3 (Baru)**
MOM berkuasa, mengelola dan menetujui delegasi di Sukan Olimpik dan juga pertandingan kepelbagaian sukan serantau, benua dan dunia di bawah naungan IOC. MOM bertanggungjawab terhadap kelakuan ahli-ahli yang berada dalam delegasinya.
- 7.6.1. Sub-Artikel Baru 4.3. yang baru adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.7. **Sub-Artikel 4.4.**
*MOM haruslah mempunyai **kuasa** eksklusif untuk mewakili Malaysia di Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan Asia Tenggara dan pertandingan kepelbagaian sukan **serantau** dan antarabangsa selaras dengan Undang-Undang dan Peraturan IOC, Majlis Olimpik Asia, Persekutuan Sukan Komanwel, Persekutuan Sukan SEA dan lain-lain pertubuhan kepelbagaian sukan **serantau** dan antarabangsa.*
- 7.7.1. Sub-Artikel 4.4. di atas menggantikan Sub-Artikel 4.2. yang sediaada dengan pindaan dalam perkataan hitam. Dengan pindaan Sub-Artikel tersebut ianya bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.8. **Sub-Artikel 5.1**
Untuk mempromosi prinsip-prinsip dasar dan nilai-nilai Olympism di Malaysia, khususnya, dalam bidang sukan dan pendidikan, dengan mempromosi program pendidikan Olimpik di semua peringkat sekolah, institusi pendidikan jasmani dan sukan dan universiti, disamping menjadikan institusi yang menggalakan pendidikan Olimpik yang berdedikasi seperti Akademi Olimpik Kebangsaan, Muzium Olimpik dan lain-lain program, termasuk kebudayaan yang berkaitan dengan Pergerakan Olimpik.
- 7.8.1. Sub-Artikel 5.1 di atas, menggantikan Sub Artikel 5.1. yang sediaada. Pindaan Artikel ini bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.9. **Sub-Artikel 5.2. (Baru)**
Bagi memastikan perjalanan Piagam Olimpik di Malaysia.
- 7.9.1. Sub-Artikel 5.2. yang baru ini adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.10. Sub-Artikel 5.2. hingga 5.5. telah dinombor semula sebagai Sub-Artikel 5.3. hingga 5.7.
- 7.11. **Sub-Artikel 5.6. (Baru)**
Untuk menggalak dan sedaya upaya menyokong tindakan dan usaha dalam melindungi kesihatan atlet dan juga bagi masa depan atlet-atlet dari segi sosial dan professional.
- 7.11.1. Sub-Artikel 5.6 yang baru adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.12. Sub-Artikel 5.6 dan 5.7 telah dinombor semula sebagai Sub-Artikel 5.7 dan 5.8.
- 7.13. **Sub-Artikel 5.9.**
Untuk melengkapkan kebebasan dan berautonomi dan menentang pelbagai jenis tekanan termasuk tetapi tidak terhad yang berkenaan dengan politik, undang-undang, agama atau ekonomi, dimana kemungkinan dapat menghindari MOM dari bercanggah dengan Piagam Olimpik.

- 7.13.1. Sub-Artikel 5.9. di atas menggantikan Sub-Artikel 5.8. yang sediaada. Pindaan artikel ini adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.14. Sub-Artikel 5.9 hingga 5.16 telah dinombor semula sebagai Sub-Artikel 5.10 hingga 5.17.
- 7.15. **Sub-Artikel 6.15 (Baru)**
Mana-mana ahli yang gagal menghadirkan diri setelah menerima notis untuk menyelesaikan pertelingkahan yang dirujuk dalam seksyen ini, hendaklah memberi kuasa yang ada padanya bagi menghuraikan pertelingkahan dan oleh itu pertelingkahan dapat diselesaikan tanpa kehadirannya.
- 7.15.1. Sub-Artikel 6.15 yang baru telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.16. Sub-Artikel 6.15 telah dinombor semula sebagai Sub-Artikel 6.16.
- 7.17. Sub-Artikel 9.4 dibatalkan.
- 7.18. Sub-Artikel 9.5 dan 9.6. telah dinombor semula sebagai Sub-Artikel 9.4. dan 9.5.
- 7.19. **Sub-Artikel 9.5.**
*Dimana terdapat Ahli yang sediaada khasnya dari mana-mana sukan, permohonan untuk menjadi ahli dari pertubuhan sukan yang sama tidak boleh dipertimbangkan sekiranya status ahli berkenaan yang sediaada masih sah, **dengan syarat Ahli itu bergabung dengan MOM dan yang selalu berurusan dengan Persatuan Sukan Kebangsaan dimana ia juga bergabung dengan Persekutuan Antarabangsa mereka yang sah.***
- 7.19.1. Pindaan dalam perkataan hitam dalam Sub-Artikel 9.6 sediaada dan dinombor semula sebagai Sub-Artikel 9.5 telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.20. **Sub-Artikel 9.6 (Baru)**
Hanya Ahli Bersekutu yang mentadbir sukan dimana sukan mereka termasuk dalam program Sukan Olimpik sahaja boleh memohon untuk di naik taraf menjadi Ahli Biasa.
- 7.20.1. Sub-Artikel 9.6 yang baru adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.21. **Sub-Artikel 15.1 (m)**
*Tidak lebih dari empat (4) orang, **dimana, sekurang-kurangnya dua (2) orang daripadanya mestilah wanita, yang mana pada pandangan Majlis Eksekutif, beliau adalah seorang yang boleh menyumbang kearah objektif MOM.***
- 7.21.1. Pindaan dalam perkataan hitam dalam Sub-Artikel 15.1(m) yang sediaada telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.22. **Sub-Artikel 16.1 (f)**
*Tidak lebih dari empat (4) orang akan dilantik oleh Maljis Eksekutif, **dimana sekurang-kurangnya dua (2) orang daripadanya mestilah wanita dengan syarat mereka bukanlah dari Ahli MOM, dimana mereka adalah wakil yang memegang jawatan di bawah (a) di atas.***
- 7.22.1. Pindaan dalam perkataan hitam dalam Sub-Artikel 16.1(f) yang sediaada adalah diluluskan dengan sebulat suara.

7.23. **Sub-Artikel 17.1.1.**

Majlis Eksekutif hendaklah, pada mesyuarat pertamanya selepas PAT atau kemudiannya melantik Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa dan merangka terma dan syarat-syarat serta tugas-tugas semua Jawatankuasa. Setiap Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melaporkan terus kepada Lembaga Eksekutif dan hendaklah menyempurnakan tugas masing-masing dibawah arahan Lembaga Eksekutif.

7.23.1. Pindaan dalam perkataan hitam dalam Sub-Artikel 7.1.1. yang sediaada adalah diluluskan dengan sebulat suara.

7.24. **Sub-Artikel 17.1.4.**

MOM haruslah mempunyai Jawatankuasa Tetap seperti berikut:-

- (a) Pemilihan*
 - (b) Disiplin*
 - (c) Kewangan, Pemasaran dan Tajaan*
 - (d) Sukan untuk Semua, Sukan dan Sukan & Alam Sekitar*
 - (e) Penasihat Undang-Undang & Alternate Dispute Resolution (ADR)*
 - (f) Pengurusan dan Pentadbiran*
 - (g) Wanita dan Sukan*
 - (h) Bangunan*
 - (i) Muzium Sukan dan Dewan Kemasyhuran*
 - (j) Perubatan & Kawalan Dadah*
 - (k) Akademi Olimpik Kebangsaan*
 - (l) Lain-lain Jawatankuasa dimana Majlis Eksekutif merasakan perlu diadakan*
- MOM boleh memberhentikan mana-mana Jawatankuasa di atas sekiranya Majlis Eksekutif merasakan perlu berbuat demikian.*

7.25. Sub-Artikel 17.1.4 dan tugas-tugas Jawatankuasa adalah dibatalkan dan dibawa kepada Undang-Undang Kecil (Bye-Laws) MOM. Cadangan tersebut telah diluluskan dengan sebulat suara.

7.26. **Sub-Artikel 17.1.5. (Baru)**

Tugas-tugas Jawatankuasa adalah seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil MOM.

7.26.1. Sub-Artikel 17.1.5 yang baru menggantikan Sub-Artikel 17.1.4. yang sediaada dan diluluskan dengan sebulat suara.

7.27. Sub-Artikel 17.1.5 dan 17.1.6 telah dinombor semula sebagai Sub-Artikel 17.1.6 dan 17.1.7.

7.28. **Sub-Artikel 18.1 (Baru)**

Majlis Eksekutif yang menjalankan PAT hendaklah melantik tiga (3) orang ahli Panel Bebas, dimana salah seorang bertindak sebagai Pegawai Pengundi (Returning Officer), untuk memerhati, mengurus dan menyelaraskan pemilihan bagi Pemegang Jawatan MOM.

7.28.1. Sub-Artikel 18.1 yang baru telah diluluskan dengan sebulat suara.

7.29. **Sub-Artikel 18.2 (Baru)**

Pegawai Pengundi hendaklah bertanggungjawab seluruhnya terhadap perjalanan pemilihan termasuk semua peraturan pemilihan terlebih dahulu termasuklah menghantar keluar borang pencalonan, menerima borang pencalonan dan memaklumkan kepada calon-calon samada layak atau tidak untuk bertanding sebagai calon.

- 7.29.1. Sub-Artikel 18.2 yang baru telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.30. **Sub-Artikel 18.3 (Baru)**
Panel Bebas hendaklah membatalkan calon-calon yang salah mengisi atau menipu atau gagal dalam memberikan butir-butir seperti yang dikehendaki atau dimana calon-calon yang diistiharkan muflis atau yang dihukum bersalah oleh perundangan atas kesalahan yang melibatkan penipuan atau pecah amanah atau kesalahan jenayah yang kerap didalam atau diluar Malaysia dalam tempoh masa lima (5) tahun pensabitannya.
- 7.30.1. Sub-Artikel 18.3 yang baru telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.31. **Sub-Artikel 18.4 (Baru)**
Pegawai Pengundi hendaklah memastikan semua delegasi yang menghadiri PAT adalah mereka telah dicalonkan oleh PSK masing-masing dan layak untuk mengundi. Hanya delegasi yang diiktiraf sahaja yang layak untuk mengundi.
- 7.31.1. Sub-Artikel 18.4 yang baru telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.32. **Sub-Artikel 18.5**
*Pencalonan untuk Pemegang Jawatan haruslah dijemput dari Ahli Biasa oleh **Pegawai Pengundi**, sekurang-kurangnya **duapuluh satu (21) hari** sebelum PAT dalam mana pemilihan diadakan.*
- 7.32.1. Pindaan dalam perkataan hitam dalam Sub-Artikel 18.5 sediaada diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.33. **Sub-Artikel 18.6**
*Pencalonan dengan persetujuan bertulis oleh calon-calon yang berkenaan hendaklah didalam borang yang disediakan oleh MOM, yang dicadang serta ditandatangani oleh Presiden atau Setiausaha Kehormat dari Ahli Biasa dan hendaklah diterima oleh pejabat MOM dalam tempoh waktu bekerja sehingga pukul 5.00 petang, tidak lebih dari **sepuluh (10) hari** sebelum PAT.*
- 7.33.1. Pindaan dalam perkataan hitam dalam Sub-Artikel 18.6 yang sediaada diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.34. **Sub-Artikel 18.7**
Setelah menerima dan mengesahkan borang pencalonan yang lengkap, Panel Bebas hendaklah selepas itu dalam tempoh dua (2) hari selepas penerimaan, memaklumkan kepada setiap calon samada mereka layak atau tidak untuk bertanding didalam pemilihan.
- 7.34.1. Sub-Artikel 18.3 yang sediaada digantikan dengan Sub-Artikel 18.7 yang baru dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.35. **Sub-Artikel 18.8**
***Pegawai Pengundi** hendaklah menghantar kepada setiap Ahli Biasa senarai nama-nama calon yang layak bagi setiap jawatan yang dicalon tidak kurang dari **tujuh (7) hari** sebelum PAT tersebut.*
- 7.35.1. Pindaan dalam perkataan hitam dalam Sub-Artikel 18.4 sediaada diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.36. Sub-Artikel 18.5 adalah dibatalkan.

- 7.37. Sub-Artikel 18.6 hingga 18.8 telah dinombor semula sebagai Sub-Artikel 18.9 hingga 18.11.
- 7.38. **Sub-Artikel 19.2 (Baru)**
Jawatan dalam Jawatan Tertinggi hendaklah dengan secara automatiknya menjadi kosong apabila pemegang jawatan tersebut:-
- (a) *Menjadi muflis;*
 - (b) *Meletak jawatan dengan memberi notis bertulis, dan dimana perletakan jawatan tersebut diterima oleh Majlis Eksekutif;*
 - (c) *Gagal menghadiri mesyuarat lebih dari enam (6) kali berturut-turut tanpa terlebih dahulu memaklumkan kepada Majlis Eksekutif;*
 - (d) *Didapati bersalah oleh perundangan atas kesalahan yang melibatkan penipuan atau pecah amanah atau kesalahan jenayah didalam atau diluar Malaysia dengan keterangan bertulis untuk dipenjarakan.*
 - (e) *Dilarang dari menjadi pemegang jawatan tertinggi oleh undang-undang atau sebab-sebab yang diperintah oleh mahkamah.*
 - (f) *Menjadi hilang ingatan atau tidak mengenali orang atau berkenaan pembahagian harta pusaka dengan mana-mana cara dibawah undang-undang berkaitan penyakit mental.*
- 7.38.1. Sub-Artikel 19.2 yang baru diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.39. Sebelum Perhimpunan Agung meluluskan pindaan pada Sub-Artikel 22.2 hingga 22.7, di dalam tajuk *'Alternate Dispute Resolution (ADR)*, beberapa perkara telah diperjelaskan. Pertama adalah berkenaan kos pengantara yang tinggi, dimana Pengerusi menjelaskan bahawa kos pengantara tidak mahal dan disini mestilah terdapat satu cara untuk menyelesaikan pertelingkahan oleh PSK. Encik Edwin Chong, delegasi dari ASUM meminta penjelasan iaitu siapakah yang akan membantu PSK sekiranya tiada peruntukan untuk pengantara. Cik Low Beng Choo, Naib Presiden MOM menjelaskan bahawa sebelum timbangtara atau pengantaraan dapat dijalankan, kedua-dua parti yang terlibat dalam pertelingkahan hendaklah bersetuju dengan terma dan syarat-syarat, disini soalan berkenaan kos tidak sepatutnya dibangkitkan. Y.Bhg. Dato Sieh Kok Chi, Setiausaha Kehormat MOM menyatakan bahawa MOM sedia mempertimbangkan sebarang bantuan sekiranya rayuan dibuat.
- 7.40. Dengan penjelasan diatas, pindaan Sub-Artikel 22.2, 22.3, 22.4, 22.5, 22.6 dan 22.7 seperti yang ditunjukkan dibawah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.41. **Sub-Artikel 22.2**
Proses pengantaraan hendaklah dijalankan dengan melantik pengantara oleh parti yang terlibat dari ahli-ahli panel dalam Jawatankuasa Pengantaraan ADR MOM. Sebelum permulaan awal pengantaraan, pengantara hendaklah mereka yang dipersetujui oleh kedua-dua parti. Peranan pengantara adalah bertindak bebas bagi memudahkan proses pengantaraan. Prosedur akan diputuskan oleh pengantara dan dipersetujui oleh kedua-dua parti berkenaan. Sekiranya pengantaraan berjaya, kedua-dua parti akan menandatangani perjanjian persetujuan penyelesaian pertelingkahan secara baik dan perjanjian tersebut adalah yang terakhir, muktamad dan dimeterai oleh kedua-dua parti.
- 7.42. **Sub-Artikel 22.3**
Sekiranya, ataupun, pengantaraan gagal barulah pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan haruslah dirujuk kepada penimbangtara dimana parti yang bertelingkah haruslah bersetuju dan akur kepada penimbangtara yang dilantik. Penimbangtara yang dilantik haruslah dari ahli panel Jawatankuasa Timbangtara ADR MOM. Pentadbir yang membuat Undang-undang haruslah memaklumkan terlebih dahulu berkenaan perlantikan

pengantara kepada kedua-dua parti. Peranan penimbangtara adalah mengadakan pertelingkahan. Beliau bertindak berkecuali dan mengambil serta menerima prosedur menjadi parti seperti yang dipersetujui atau seperti yang diperuntukan oleh Undang-Undang. Diakhir proses penimbangtaraan, penimbangtara akan mengadakan satu anugerah dimana ianya hendaklah dimeterai oleh parti-parti yang berkenaan. Anugerah tersebut hendaklah dimeterai keatasnya oleh parti melainkan terdapat penentangan kes dimana Sub-Artikel 22.5 hendaklah diaplikasikan.

7.43. **Sub-Artikel 22.4**

Proses pengantaraan dan timbangtara adalah bermaksud salah satu jalan terbaik untuk menyelesaikan pertelingkahan secara aman mengikut Perlembagaan dan Undang-Undang Kecil MOM.

7.44. **Sub-Artikel 22.5**

Sebarang keputusan yang dibuat oleh MOM selepas proses timbangtara mungkin akan dihantar untuk rayuan secara eksklusif kepada Mahkamah Timbangtara Sukan Antarabangsa (ICAS) di Lausanne, Switzerland, dimana pertelingkahan akan diselesaikan dengan muktamad selari dengan 'Code of Sports-Related Arbitration'. Masa untuk rayuan adalah terhad iaitu duapuluh satu (21) hari selepas keputusan berkenaan rayuan diterima.

7.45. **Sub-Artikel 22.6 (Baru)**

Semua badan kebangsaan hendaklah bersedia mencari jalan keluar membetulkan masalah dalaman mereka sendiri terlebih dahulu sekiranya boleh, mengikut Artikel/Fasal dalam Perlembagaan masing-masing termasuk tindakan disiplin sebelum proses permulaan awal pengantaraan atau timbangtara dijalankan.

7.46. **Sub-Artikel 22.7**

Jawatankuasa ADR MOM akan menilai semua pertelingkahan bertulis yang dihantar kepadanya, untuk tindakan lanjut seperti yang difikirkan bersesuaian.

7.47. **Sub-Artikel 27.4.2.**

*Notis mesyuarat PAT bersama dengan Penyata Akaun Tahunan yang telah diaudit dan Laporan Tahunan bagi tahun sebelumnya hendaklah dipekelilingkan kepada semua ahli-ahli sekurang-kurang **duapuluh satu (21) hari** sebelum PAT tersebut.*

7.47.1. Pindaan dalam perkataan hitam Sub-Artikel 27.4.2. sediada diluluskan dengan sebulat suara.

7.48. **Sub-Artikel 29.5 (Baru)**

Majoriti undian MOM dan Majlis Eksekutifnya haruslah bersamaan dengan Ahli Biasa yang sukan mereka termasuk dalam program Sukan Olimpik.

7.48.1. Sub-Artikel 29.5 yang baru adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.

7.49. Sub-Artikel 29.5 yang sediada telah dinombor semula sebagai 29.6.


7.50. **Sub-Artikel 34.2**

Kelulusan Perlembagaan MOM oleh Lembaga Eksekutif IOC adalah syarat pengiktirafan. Sebarang permohonan pindaan atau perubahan Perlembagaan MOM yang akan datang kemudian, syarat yang sama turut dikenakan.


7.50.1. Sub-Artikel 34.2 sediada telah digantikan dengan Sub-Artikel 34.2 yang baru bertepatan dengan keperluan IOC. Sub-Artikel 34.2 yang baru diluluskan dengan sebulat suara.

- 7.51. **Sub-Artikel 36.3(Baru)**
Perlembagaan MOM mestilah, pada setiap masa, bertepatan dengan Piagam Olimpik dimana ianya hendaklah dirujuk terus. Sekiranya terdapat sebarang syak terhadap makna atau tafsiran terhadap Perlembagaan MOM, atau sekiranya terdapat pertentangan diantara Perlembagaan MOM dan Piagam Olimpik, maka yang terkemudian diberi keutamaan.
- 7.51.1. Sub-Artikel 36.3 yang baru adalah bertepatan dengan keperluan IOC dan diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.52. **Undang-Undang Kecil kepada Artikel 27. Rule 2**
Sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum kenyataan untuk mengadakan Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) dibuat, MOM hendaklah menghantar senarai Ahli Biasa gabungannya kepada Pesuruhjaya Sukan untuk menentukan status mereka.
- 7.53. **Undang-Undang Kecil kepada Artikel 27. Rule 3 (Baru)**
Sekiranya tidak menerima apa-apa maklumbalas dari Pejabat Pesuruhjaya Sukan dalam tempoh tigapuluh (30) hari, PAT haruslah diteruskan seperti yang dijadual.
- 7.54. **Undang-Undang Kecil Artikel 27**
Undang-undang 3 hingga 10 yang sedia ada ditukar kepada Undang-undang 4 hingga 11.
- 7.55. **Undang-Undang Kecil Artikel 27 Undang-undang 12 (Baru)**
Hanya delegasi yang diiktiraf dengan Kad Akreditasi MOM yang rasmi dan yang tidak boleh dipindah milik sahaja, adalah layak untuk mengundi.
- 7.56. **Undang-Undang Kecil Artikel 27**
Undang-undang 11 dan 12 yang sedia ada ditukar kepada 13 dan 14.
- 7.57. **Undang-Undang Kecil Artikel 17.1.5**
Pengerusi membentangkan senarai tugas-tugas Jawatankuasa MOM yang berikut untuk kelulusan Perhimpunan Agung Ke-27: Pemilihan, Disiplin, Kewangan, Pemasaran & Tajaan, Sukan untuk Semua, Sukan dan Sukan & Alam Sekitar, Penasihat Undang-Undang & Alternate Dispute Resolution (ADR), Wanita dan Sukan, Bangunan, Muzium Sukan dan Dewan Kemasyhuran, Perubatan & Dadah.
- 7.57.1. Senarai tugas-tugas Jawatankuasa MOM diatas telah diluluskan dengan sebulat suara.
- 7.58. **Undang-Undang Kecil kepada Artikel 5.9 – Rasional Kepentingan untuk Kod dan Undang-Undang Anti-Dadah MOM**
Y.Bhg. Datuk Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden MOM dan Pengerusi Jawatankuasa Perubatan dan Dadah MOM, membentangkan Undang-Undang Kecil kepada Sub-Artikel 5.9, dimana ianya berkenaan dengan Kod Agensi Anti-Dadah Sedunia (WADA). Beliau memaklumkan kepada delegasi bahawa IOC dan WADA meminta semua NOC mengikut peraturan Kod WADA sehingga November 2008. Sekiranya gagal berbuat demikian boleh dibawa ke hadapan untuk diambil tindakan disiplin oleh IOC kepada NOC yang berkenaan.
- 7.58.1. Untuk mengikut peraturan Kod WADA, setiap NOC hendaklah mempunyai Undang-Undang Anti Dadah mereka sendiri. Dalam Undang-Undang Kecil Sub-Artikel 5.0 adalah Undang-Undang Anti-Dadah MOM dimana ianya bertepatan dengan Kod WADA. Beliau memberi taklimat dengan merujuk kepada beberapa seksyen dalam Undang-Undang Kecil tersebut, yang merangkumi Kod WADA, aplikasi kepada Undang-Undang Anti-Dadah, Tanggungjawab MOM, Ujian, Pengabaian dan Hukuman, Kenyataan, Rayuan dan Kajian Semula.

- 7.58.2. Selepas taklimat, delegasi sebulat suara meluluskan Undang-Undang Kecil kepada Sub-Artikel 5.9.
8. **HAL-HAL LAIN DIMANA NOTIS SECARA BERTULIS TELAH DISERAHKAN KEPADA SETIAUSAHA KEHORMAT, SEKURANG-KURANGNYA EMPAT-BELAS (14) HARI SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-27**
- 8.1. Setiausaha Kehormat melaporkan bahawa tidak menerima sebarang notis bertulis dalam lain-lain perkara untuk dipertimbangkan di Perhimpunan Agung Tahunan MOM Ke-27.
9. Perhimpunan Agung Tahunan MOM Ke-27 ditangguhkan pada jam 4.00 petang dengan ucapan terima kasih kepada Pengerusi.



(Dato' Sieh Kok Chi)
Setiausaha Kehormat
Majlis Olimpik Malaysia



(Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar)
Presiden
Majlis Olimpik Malaysia